

Headline	Projek penghutanan sumber ekonomi baharu UTM		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	02 Feb 2017	Color	Black/white
Section	News	Circulation	22,630
Page No	27	Readership	67,890
Language	Malay	ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 801
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,403



# Projek penghutanan sumber ekonomi baharu UTM

**JOHOR BAHRU 1 Feb.** - Projek Penghutanan Semula Bekas Ladang Getah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berupaya menjadi salah satu penyumbang ekonomi bagi universiti berkenaan, khususnya dalam sektor pelancongan pendidikan.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar berkata, projek yang dijalankan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu bermula sejak September 2012.

Menurutnya, projek itu melibatkan proses penghutanan semula kawasan ladang getah seluas 12 hektar yang terletak di Taman Rekreasi, kampus induk UTM, di sini.

“Menerusi projek ini, UTM mengambil inisiatif untuk menanam pelbagai jenis pokok hutan,

buluh dan tanaman herba yang bernilai tinggi dan sukar ditemui.

“Selain bertujuan memelihara alam sekitar, projek ini juga mampu menjadi daya tarikan dan penyumbang ekonomi universiti menerusi kerja kajian, penyelidikan dan pendidikan,” katanya selepas menyempurnakan majlis penanaman 30 botong pokok merbau, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah FRIM, Dr. Ahmad Zuhaidi Yahya dan Koordinator Projek, Prof. Dr. Maketab Mohamed.

Selain merbau, antara jenis tumbuhan yang turut ditanam di kawasan berkenaan ialah belian, sentul, engkabang, pulai, buluh pagar, buluh betung, buluh semantan, mahkota dewa, karas, mas cotek dan tenggek burung.

Wahid berkata, seluas 10 hektar kawasan tersebut digunakan untuk menanam pelbagai jenis pokok hutan, manakala masing-masing satu hektar bagi pokok buluh dan tanaman herba lain.

Sementara itu, Zuhaidi memberitahu, projek tersebut merupakan yang pertama seumpamanya melibatkan penghutanan semula kawasan bekas ladang getah di negara ini.

“Sejak dimulakan pada 2012, sebanyak 3,736 batang pokok telah ditanam dengan benih yang majoritinya dibawa masuk dari Borneo kerana sukar didapati di Semenanjung.

“Projek lima tahun ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM600,000 dan bakal tamat pada Jun tahun ini,”katanya.